

31/10/2003

Kritik kerana sayang

By Misiah Taib

PUISI Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno pada 21 Jun 2001 itu, sudah cukup untuk mengungkapkan segala-galanya. Memarahi, mengkritik dan menegur Melayu secara terbuka sudah sinonim dengan Dr Mahathir, semata-mata kerana sayangkan Melayu, mahu menyedarkan Melayu dan yang lebih penting, untuk menyelamatkan Melayu.

Beliau sudah banyak kali menangis kerana Melayu, menangis ketika mengingatkan Melayu supaya tidak lupa sejarah serta peristiwa hitam dan pahit pada masa lalu.

Sejak menerajui parti pada 1981, kebanyakan ucapan dasar beliau di Perhimpunan Agung Umno tidak pernah lari daripada memberi peringatan kepada Melayu dan setiap kali menegur Melayu, beliau akan meminta maaf secara terbuka kerana terpaksa membuat teguran yang keras terhadap bangsanya.

Beliau pernah mengkritik Melayu malas, Melayu mudah lupa, Melayu haprak dan Melayu belum selamat, malah pelbagai istilah lagi sudah digunakan beliau untuk menyedarkan Melayu.

Kadang-kadang nada ucapan beliau ketika mengingatkan Melayu di Perhimpunan Agung Umno jelas berbaur nada hampa dan sebak, kerana kecewa dengan Melayu yang masih terus bergantung kepada `tongkat`.

Pada Perhimpunan Agung Umno tahun 2000, beliau dengan lantang mengingatkan bahawa orang Melayu hanya nampak mereka selamat kerana dilindungi oleh kerajaan, tanpa memikirkan keadaan mereka ketika dijajah dulu.

Orang Melayu kata Dr Mahathir memikirkan apa juga yang mereka lakukan, mereka tetap selamat, walaupun mereka masih lemah dalam semua bidang, lemah dari segi ekonomi, tidak berilmu, kurang cerdik, mudah disogok, menjadi penagih dadah, menghidap Aids, dan bermacam-macam lagi. Semuanya dianggap tidak mengapa kerana mereka tetap selamat, tetap akan mendapat perlindungan daripada Kerajaan Malaysia.

Dalam parti pemerintah dan parti Melayu yang lain katanya, yang diutamakan ialah perebutan tempat, sehingga keupayaan memberi khidmat, menyumbang kepada kebaikan, pembangunan orang Melayu dan negara, tidak penting.

"Perebutan inilah yang membawa kepada keruntuhan akhlak sehingga kawan yang menolong kita pun sanggup kita caci, sanggup kita jatuhkan.

"Kita cantas, kita kebas, kita buat apa saja untuk mencapai cita-cita kita.

"Parti yang begitu berjasa kepada bangsa, agama dan tanah air, bahkan kepada diri sendiri sanggup kita buruk dan lemahkan dalam usaha kita untuk mendapat sesuatu bagi diri kita.

"Perpaduan dalam parti dan perpaduan orang Melayu sendiri sanggup kita tolak dan sanggup kita pecahkan," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar bertemakan `Perjuangan Umno Belum Selesai` tiga tahun yang lalu.

Dr Mahathir mengingatkan orang Melayu ketika itu bahawa mereka sudah lupa yang dulunya mereka dijajah dan dihina kerana berpecah dan tidak bersatu. Mereka sudah lupa akan kekuatan dan kejayaan mereka apabila mereka bersatu dan melawan British serta mencapai kemerdekaan.

Tahun lalu dalam ucapan dasar bertemakan `Mendedah Yang Terbuka`, beliau mengulangi betapa orang Melayu hari ini sudah tidak mengutamakan perpaduan.

Apa saja katanya, boleh memecahbelahkan orang Melayu, termasuk perebutan tempat dalam parti, sangkaan buruk tidak berasas kepada pemimpin, kekecewaan mendapat peluang perniagaan, hasutan oleh parti lawan dan perasaan terlalu selamat.

Dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno tahun lalu juga Dr Mahathir meminta maaf sekali lagi kepada bangsa Melayu kerana terpaksa menegur kelemahan budaya kaum itu.

Hakikat yang tidak dapat dinafikan kata beliau, ialah ramai orang Melayu sekarang tidak bermoral, sanggup melakukan pelbagai jenayah dan dosa besar.

Dalam ucapan dasar terakhirnya di Perhimpunan Agung Umno pada 19 Jun lalu, Dr Mahathir meminta rakyat dan sejarah untuk menghukum serta menilai baik buruk perkhidmatannya dalam merealisasikan segala idea bagi memulih maruah bangsa Melayu sepanjang 22 tahun menjadi Presiden Umno.

"Saya hanya ingin menyumbang kepada parti yang memberi peluang yang banyak bagi saya merealisasikan segala idea yang ada pada saya untuk memulihkan maruah bangsa saya, memajukan sedikit bangsa saya dan negara saya.

"Sama ada saya berjaya atau tidak bukan untuk saya menilaikannya. Rakyat dan sejarah yang akan menghukum dan menilai baik atau buruk khidmat yang telah saya berikan.

"Saya juga mohon ampun dan maaf terhadap segala kesilapan dan kesalahan saya sepanjang saya berkhidmat dalam parti yang bertuah ini," katanya dalam ucapan yang bertemakan 'Ancaman Masa Depan'.

Amanat terakhirnya sebagai Presiden di perhimpunan agung parti tetap memberi peringatan kepada Melayu bahawa mereka berdepan dengan tiga ancaman utama - dari luar negara, dalam negara dan dalam parti sendiri.

Justeru, katanya, ahli Umno mestilah bersedia mengorbankan kepentingan diri sedikit, supaya mendapat nikmat yang banyak dan bertanya kepada diri sendiri apakah benar mereka tidak mendapat apa-apa nikmat sama sekali kerana tidak memegang jawatan dalam parti.

"Umno tidak mungkin kalah jika kesetiaan ahli kepada parti, bangsa dan agama tidak dilunturkan kerana kepentingan diri. Oleh itu, berhentilah daripada berebut-rebut," katanya.

Mengimbuai kandungan ucapannya dalam perhimpunan parti sepanjang 22 tahun menerajui Umno, Dr Mahathir tidak pernah lupa memberi peringatan kepada orang Melayu supaya menjaga Umno dan terus bersatu, demi menjamin kesinambungan perjuangan memajukan Melayu.

Tema ucapan Perhimpunan Agung Umno 1981 - 2003

- * Satu Tanggungjawab dan Amanah (Jun 1981)
- * Negara Yang Bermaruah (September 1982)
- * Malaysia Bahagia (Ogos 1983)
- * Parti Yang Bertanggungjawab (Mei 1984)
- * Masyarakat dan Nasionalisme (September 1985)
- * Tegas Menghadapi Serangan (September 1986)
- * Kukuh Umno Kukuh Negara (April 1987)
- * Umno Tetap Umno (Oktober 1988)
- * Kewibawaan Umno (November 1989)
- * Bersatu Bersedia Berkhidmat (Disember 1990)
- * Umno Ke Arah Abad ke-21 (November 1991)
- * Ke Arah Meningkatkan Maruah Bangsa (November 1992)
- * Umno Pembawa Perubahan (November 1993)
- * Hapuskan Politik Wang (Jun 1994)
- * Mengembalikan Maruah Bangsa, Agama dan Tanah Air (November 1994)
- * Jangan Lupa Daratan (November 1995)
- * Pemimpin dan Kepimpinan (Oktober 1996)
- * Menebus Maruah Bangsa dan Agama (September 1997)

- * Cabaran Kegawatan (Jun 1998)
- * Maruah Bangsa Tanggungjawab Umno (Jun 1999)
- * Perjuangan Umno Belum Selesai (Mei 2000)
- * Melayu Mudah Lupa (Jun 2001)
- * Mendedah Yang Terbuka (Jun 2002)
- * Ancaman Masa Depan (Jun 2003)

* Saya mengenali Dr Mahathir sejak tahun 1970-an dan kami mempunyai perbezaan pendapat, bagaimanapun kami mencapai hubungan peribadi yang baik sepanjang saya memegang jawatan.

Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew

* Kami sama-sama percaya kepada prinsip berterus-terang. Pemimpin yang suka mengambil hati tidak akan berjaya walaupun mereka boleh membuatkan rakyat berpuas hati sekurang-kurangnya untuk sementara.

Bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher

* Terima kasih kepada Dr Mahathir dan Malaysia yang menaja rundingan damai dengan pemisah Islam dan memupuk kestabilan Mindanao.

Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo

(END)